

**SOALAN NO. 94****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR  
JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan kewajaran keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa sempadan pilihan raya sedia ada di Pulau Pinang tidak mempunyai isu ketidakpatuhan kepada Jadual ke-13 dan maka tidak perlu dirubah. Siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, urusan Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan melalui unit kajian Negeri-Negeri Tanah Melayu. Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri untuk dibentangkan di Dewan Rakyat bagi tujuan kelulusan.

Sekian, terima kasih.